

Minit Mesyuarat
Jawatankuasa Permuafakatan Aktiviti
Pusat Kegiatan Guru Bakri Bil. 2/2017

Tarikh : Selasa, 06 November 2017
Masa : Mulai 10.30 pagi
Lokasi : Bilik Frog VLE, SMKA Maahad Muar
Pengerusi Mesyuarat : Encik Latib bin Kiat (Guru Besar SK Seri Bukit Batu)

Senarai Kehadiran :

- | | |
|------------------------------|---|
| 1. Encik Latib bin Kiat | – Guru Besar SK Seri Bukit Batu (Pengerusi) |
| 2. Pn Teh Teow Yen | – Pegawai Teknologi Pendidikan PKG Bakri (Setiausaha) |
| 3. En Aziz Bin Atan | – Pegawai Teknologi Pendidikan PKG Bakri (Pen Setiausaha) |
| 4. En Osman bin Ahmad | – Guru Besar SK Simpang Jeram |
| 5. Puan Fouziah Binti Bojuri | – wakil Pengetua, SMK Bukit Naning |
| 6. En Mohd Ali Musiran | – wakil Guru Besar SK Bukit Naning |
| 7. Puan Koh Chew Yan | – GPK 1 SJKC Pei Chai |
| 8. En Lim Chin Poh | – GPK 1 SJKC Chung Hwa 1B |
| 9. En Ng Kee Seng | – GPK 1 SJKC Yu Eng |
| 10. Pn Lee Liong Chin | – GPK SJKC Pu Nan |
| 11. Pn Pang Eng Hwa | – wakil Guru Besar SJKC Chung Hwa Presbyterian |
| 12. En Seng Siang Chen | – wakil Guru Besar, SJKC Chung Hwa 1A |
| 13. En Ho Jin Chai | – wakil Guru Besar, SJKC Chin Terh |
| 14. En Yeo Tian Xin | – wakil Guru Besar SJKC Chung Hwa 2B |
| 15. Cik Sajidah Binti Jamin | – wakil Guru Besar, SJKC Chung Hwa 2A |

Urusetia :

- | | |
|-------------------------------------|---------------------------------|
| 1. Pn Nora Bt Maarof | – Pembantu Tadbir PKG Bakri |
| 2. Pn Siti Asmah Nabihan Bt Saruwan | – Juruteknik Komputer PKG Bakri |

Tidak Hadir:

1. Guru Besar SK Bakri Batu 5
2. Guru Besar SK Parit Zain
3. Guru Besar SK Ayer Hitam Batu 18
4. Pengetua SMK Tun Dr Ismail
5. Pengetua SMKA Maahad Muar

1.0 UCAPAN ALUAN PENERUSI

- 1.1 Tuan Pengerusi mengalu-alukan kedatangan ahli mesyuarat kepada semua Guru besar, Pengetua dan wakil-wakilnya yang dapat hadir pada hari ini ke Mesyuarat JKPA Bil. 2/2017.
- 1.2 Beliau berharap semua sekolah berusaha untuk meningkatkan penggunaan VLE di sekolah mengikut Fasa Transformasi sekolah PAK 21.

MAKLUMAN

2.0 MAKLUMAN DAN LAPORAN DARI PKG BAKRI

En Aziz bin Atan, selaku Penolong Setiausaha Jawatankuasa telah membentangkan makluman untuk dikongsi bersama ahli mesyuarat.

2.1 Pelaksanaan 1Bestarinet Fasa 2 KPM

2.1.1 Tahniah diucapkan kepada SJKC Chin Terh yang telah dipasang teknologi OCPE. Kontraktor telah memasang menara dan alat penerima OCPE pada bulan Mei 2017. Sebelum ini, SJKC Chin Terh menggunakan teknologi VSAT dan Frog Appliance.

Walaubagaimanapun, sekolah tersebut yang tidak mendapat pelan data dan peranti Altitude, menghadapi masalah tidak dapat login ke Frog VLE. Surat dan aduan telah dibuat kepada Helpdesk.

2.1.2 7 buah sekolah telah dinaiktaraf kepada 10 Mbps (asalnya 6 Mbps) iaitu:

- SK Ayer Hitam batu 18
- SK Bakri batu 5
- SK Parit Zain
- SK Seri Bukit Batu
- SJKC Pu Nan
- SMK Bukit Naning
- SK Simpang Jeram
- SMKA Maahad Muar

2.1.3 2 sekolah mendapat bandwidth 15 Mbps sebab dipasang teknologi Direct Feed adalah SJKC Chung Hwa 2B dan SMK Tun Dr Ismail.

Diharapkan pertambahan kelajuan ini telah membolehkan sekolah menggunakan VLE dengan lebih baik.

MAKLUMAN

2.2 VLE

- En Aziz bin Atan membentangkan Pencapaian KPI VLE dari Minggu 1 hingga minggu 44 bagi Tahun 2017. Analisa adalah ditunjukkan secara kumulatif dan secara purata setiap bulan. Keputusan Pencapaian KPI boleh dimuat turun dari Portal PKG @ pkgbakri.net
- PPD Muar telah menetapkan KPI sebanyak 150% dan banyak sekolah zon PKG Bakri mencapai KPI jika diambil kiraan secara kumulatif, tetapi tidak mencapai KPI secara purata bulanan.

MAKLUMAN

2.3 Verifikasi SSQS 2017

En Aziz bin Atan memaklumkan SMKA Maahad Muar telah dipilih untuk membuat verifikasi SSQS Tahun 2017. Verifikasi akan dijalankan untuk memastikan data SSQS yang telah peroleh pada bulan Ogos adalah sah. PKG akan menghubungi SMKA Maahad Muar untuk menjalankan verifikasi tersebut pada minggu depan.

Tindakan: PKG Bakri, SMKA Maahad Muar

2.4 Penyelenggaraan ICT

- Proses penyelenggaraan Peralatan ICT tahun ini untuk negeri Johor dan Melaka menghadapi masalah teknikal yang mengakibatkan proses tender dibatalkan kerana harga siling terlalu tinggi berbanding dengan harga yang ditawarkan oleh pembida. Atas bantuan ikhsan BTP, RM500,000.00 telah diperuntukkan untuk negeri Johor.
- Sebanyak 3 buah sekolah saja diberi penyelenggaraan LCD secara penggantian. Permohonan lain perlu tunggu bajet tahun depan. Sekolah tersebut adalah:
 - SK Bukit Naning dapat penggantian 1 buah LCD projektor
 - SK Ayer Hitam Batu 18 dapat penggantian 1 buah LCD projektor
 - SK Seri Bukit Batu dapat penggantian 1 buah LCD projector

MAKLUMAN

2.5 Program NILAM Yang Ditambahbaik

- Program NILAM yang ditambah baik akan dijalankan sepenuhnya mulai Januari 2018. Semua sekolah dikehendakki menggunakan buku rekod bacaan format baru. Objektif Program NILAM ini berfokus kepada kualiti bacaan dan aktiviti pengayaan serta mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui aktiviti pengayaan yang perlu dilakukan selepas pembacaan.
- Bahan bacaan buku atau bukan buku diambil kira sebagai sebahagian daripada bahan bacaan yang diberi markah. Ia melibatkan semua warga sekolah samaada guru atau bukan guru.
- Program NILAM juga melibatkan semua murid dari Pra sekolah hingga Tahun 6 untuk sekolah rendah dan Peralihan hingga Tingkatan 6 untuk sekolah menengah.
- Sekolah boleh mencetak buku rekod NILAM format baru atau pun membeli dari pembekal. Surat telah dikeluarkan oleh KPM melalui JPN Johor. Walaubagaimanapun, syarikat Attarbiah Sdn.Bhd. telah diberi hak eksekutif untuk mencetak buku rekod bacaan NILAM tersebut.
- Buku rekod akan memudahkan pengumpulan data bacaan murid murid.

MAKLUMAN

2.6 Anugerah NILAM Daerah Muar 2018

- En Aziz Bin Atan mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada sekolah yang telah mengambil bahagian dalam Anugerah NILAM Daerah Muar 2018 yang telah dijalankan pada 23 Oktober 2017 di PKG Sungai Balang, Muar.

- Daripada 6 peserta yang dicalonkan, 4 peserta terbaik telah dipilih mewakili PKG Bakri. Walaubagaimanapun, kita tidak berjaya menjadi johan bagi mana-mana kategori.

Bil.	Nama Sekolah	Kategori Pertandingan	Nama Peserta	Tempat
1.	SMKA Maahad Muar	SM BM	Muhammad Ihsan Bin Muhd Zaki	Ketiga
2.	SMKA Maahad Muar	SM BI	Rinisha Gayathri Nair Binti Abdul Rahman Ragupathy	Kedua
3	SK Parit Zain	SR BM	Noraina Binti Mohd Khairi	-
4	SK Bakri Batu 5	SR BM	Danisha Binti Mohd Saifulbahri	Saguhati
5	SJKC Pu Nan	SR BI	Goh Wei Nie	-
6	SK BAKRI BATU 5	SR BI	Ahmad Irrazul Khair Bin Juwahil	Saguhati

- Johan akan mewakili daerah Muar ke Anugerah Nilam Peringkat Negeri Johor 2018.

Bil.	Kategori	Nama Peserta	Sekolah	Tempat
1	Sekolah Rendah BM	Aisyah Shofwa Binti Suhaime	SK Parit Latiff	Johan
2	Sekolah Rendah BI	Nur Hanisah Binti Mohd Rashidi	SK Convent Muar	Johan
3	Sekolah Menengah BM	Eizza Nur Khaireena Binti Resim	SMK Tun Perak	Johan
4	Sekolah Menengah BI	Hrenpreet Kaur a/p Balraj Singh	SMK(P) Sultan Abu Bakar	Johan

MAKLUMAN

2.3 Anugerah Pusat Sumber Cemerlang 2017

Pada tahun 2017, penilaian Anugerah PSS daerah Muar telah dijalankan pada awal tahun 2017.

Kategori Sekolah Menengah

1. SMK Bukit Naning
2. SMK Pekan Baru

Kategori Sekolah Rendah

1. SK Liang Batu
2. SK Seri Menanti

2.4 Anugerah Pembestarian Sekolah Negeri Johor 2017

- Majlis Anugerah Pembestarian Sekolah Peringkat Negeri Johor tahun 2017 telah diadakan pada 25 Oktober 2017 di Dewan SJK(C) Mawai, Jalan Mutiara Utama, Taman Daiman Jaya, 81900 Kota Tinggi, Johor.
- Tahniah diucapkan kepada SK Bakri Batu 5 yang telah menjadi Johan dalam Pertandingan *Digital Story Telling* (DST) Peringkat Negeri dan akan mewakili negeri Johor ke peringkat kebangsaan. Pesertanya terdiri daripada 3 murid dan Cikgu Hafiz bin Ramli sebagai guru pembimbingnya.
- En Hafiz bin Ramli juga telah dapat tempat saguhati sebagai Ikon GPB/G ICT

MAKLUMAN

3.0 MEMBENTANG DAN MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT YANG LALU

Puan Teh Teow Yen (Setiausaha) telah membentangkan minit mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aktiviti Pusat Kegiatan Guru Bakri Bil. 1/2015.

Pencadang: En Ng Kee Seng, wakil Guru Besar SJKC Yu Eng

Penyokong: En Ho Jin Chai, wakil Guru Besar SJKC Chin Terh

Dipersetujui sebulat suara.

4.0 PERKARA BERBANGKIT

Tiada perkara berbangkit.

MAKLUMAN

5.0 HAL-HAL LAIN

5.1 En Aziz Bin Atan menerangkan sebab mesyuarat dibuat di Bilik Frog VLE SMKA Maahad Muar adalah atas cadangan dari mantan Guru Besar SK Bukit Naning agar Pengetua/ Guru Besar dapat melihat sendiri apa itu bilik Frog yang disediakan dengan kaedah *Frog Classroom Makeover*.

Untuk makluman, sekolah yang berminat perlu sediakan dana sebanyak lebih kurang RM10,000 untuk melengkapkan bilik dengan cat baru, pendawaian elektrik dll keperluan sementara YTL akan membekalkan meja dan kerusi dan 2 buah penghawa dingin.

5.2 Pengerusi memberi pesanan supaya sekolah bersedia maju ke depan. Guru-guru mungkin akan dibekalkan tablet dan internet sekolah selalu dipantau. Oleh itu, pentadbir perlu pastikan kemudahan ini tidak disalahgunakan.

6.0 PENUTUP

6.1 Pengerusi sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang telah hadir untuk menjayakan mesyuarat pada pagi ini.

Beliau memohon maaf kerana lambat sampai kerana ada urusan di sekolah dan mesyuarat pula dibuat di Bilik Frog VLE di SMKA Maahad yang jauhnya 12 km dari SK Seri Bukit Batu.

6.2 Mesyuarat telah ditangguhkan pada pukul 12.20 tengah hari ke suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

Disediakan oleh,

Teh Teow Yen
Setiausaha,
Jawatankuasa Permuafakatan Aktiviti PKG Bakri,
Muar
06 November 2017